

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG**

**BIL. 4/2009**

**TATAETIKA CALON DALAM PEMILIHAN  
JEMAAH PENGARAH PERTUBUHAN PELADANG**

**1. Tujuan**

- 1.1 Arahan ini bertujuan memberikan panduan kepada calon-calon dalam pemilihan Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang (PP) tentang tataetika yang perlu dipatuhi oleh setiap calon dalam satu proses pemilihan Jemaah Pengarah
- 1.2 Arahan ini sebagai pelengkap kepada Arahan Pendaftar Bil 2/2009 iaitu berkaitan tatacara pelaksanaan kuasa Pendaftar di bawah seksyen 14(5)(f) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).

**2. Punca Kuasa**

- 2.1. Pendaftar PP diperuntukkan kuasa di bawah Peraturan 85, Peraturan-Peraturan PP 1983 seperti berikut:-

“Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu, mengeluarkan arahan-arahan dan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan ini.”

- 2.2. Punca kuasa Pendaftar bagi melaksanakan Arahan ini ialah seksyen 14(5)(f) Akta 109 seperti berikut –

14(5). Jawatan seseorang pengarah hendaklah disifatkan sebagai dikosongkan dalam mana-mana daripada hal yang berikut iaitu-

- (f) jika ia mengambil bahagian dalam apa-apa urusan atau bertindak mengikut suatu cara yang pada pendapat Pendaftar mendatangkan mudharat kepada kepentingan-kepentingan Pertubuhan Peladang itu.

### 3. Latar Belakang

- 3.1. Melalui Arahan Pendaftar Bil 2/2009, Pendaftar telah menjelaskan perlakuan atau tindakan seseorang Jemaah Pengarah yang disifatkan sebagai memudharatkan PP dan boleh dikenakan tindakan mengugurkannya seperti mana diperuntukan di bawah seksyen 14(5)(f) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 3.2. Antara perlakuan atau tindakan seperti yang dinyatakan di para 5.1 (i) dalam Arahan Pendaftar tersebut adalah 'menyogok dengan cara menjanjikan untuk memberi atau memberi wang atau apa-apa balasan yang mempunyai nilai wang atau menganjurkan lawatan, mengadakan jamuan kepada ahli atau perwakilan yang akan mengundi dalam apa-apa pemilihan jawatan yang pengarah itu akan bertanding di mana-mana peringkat Mesyuarat Agung Tahunan PP'.
- 3.3. Bagi memperjelaskan maksud seperti dinyatakan dalam para 5.1 (i) Arahan Pendaftar Bil 2/2009, 'Tataetika Calon Dalam Pemilihan Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang' seperti di **Lampiran A** dikeluarkan.

#### 4. Tindakan Kepada Ketidapatuhan Tataetika

- 4.1 Tindakan ketidakpatuhan Tataetika dikenakan kepada Jemaah Pengarah yang telah terpilih dalam pemilihan Jemaah Pengarah PP.
- 4.2 Prosedur tindakan adalah seperti mana mengikut Arahan Pendaftar Bil 2/2009

#### 5. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa mulai **Satu** Haribulan **Oktober** Tahun **Dua Ribu Sembilan** dan dibaca bersama Arahan Pendaftar Bil. 2/2009

**(MARIAM MAS BINTI YAACOB)**  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

## **TATAETIKA CALON DALAM PEMILIHAN JEMAAH PENGARAH PERTUBUHAN PELADANG**

### **PERKARA 1**

#### **1. MUKADIMAH**

- 1.1 Bagi memelihara kekuatan dan maruah Pertubuhan Peladang (PP) daripada sebarang anasir salahlaku dan kemunggaran;
- 1.2 Bagi menguatkan keazaman memperjuangkan martabat dan maruah peladang dan penternak melalui wadah pergerakan PP dengan terus memperkukuh dan memberi semangat perjuangan menentang rasuah / sogokan politik;
- 1.3 Bagi menghendaki Ahli PP mentaati Akta PP 1973, Peraturan-Peraturan PP 1984 dan Perlembagaan PP sepenuhnya, bagi membenters segala bentuk penyelewengan, salahlaku, penyalahgunaan kuasa dan penggunaan wang serta gejala negatif yang boleh meluntur dan melemahkan pergerakan PP;
- 1.4 Maka tataetika ini dibentuk bersesuaian dengan seksyen 14(5)(f) Akta PP 1973 seperti tersebut di bawah.

### **PERKARA 2**

#### **2. TAFSIRAN**

- 2.1 Dalam Tataetika ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:-
  - 2.1.1 “Calon” ertinya Ahli-Ahli PP yang dicalonkan bagi pemilihan jawatan Jemaah Pengarah PP;

- 2.1.1 “Ejen” ertinya Ahli-Ahli PP atau mana-mana orang perseorangan atau kumpulan yang digunakan sebagai perantara bagi melakukan apa-apa salahlaku di bawah Tataetika ini untuk kepentingan Calon itu;
- 2.1.2 “Tempoh Pemilihan” ertinya waktu yang bermula tiga (3) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung yang mengadakan pemilihan Jemaah Pengarah di semua peringkat PP yang berkenaan sehinggalah tiga (3) bulan selepas tamat pemilihan tersebut. Tanpa menjejaskan apa-apa maksud di atas, perbuatan-perbuatan yang dilakukan sebelum atau selepas Tempoh Pemilihan itu akan diambilkira untuk menentukan niat perlakuan itu;
- 2.1.3 “Balasan” termasuklah apa-apa Pemberian termasuklah wang ringgit saham-saham, konsesi, hadiah pakej percutian, makanan / jamuan, tambang, gelaran / anugerah dan perkara-perkara lain yang dinyatakan di dalam Tataetika ini.
- 2.2 Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Tataetika ini, maka tafsiran yang diberikan oleh Pendaftar PP adalah muktamad.
- 2.3 Senarai contoh-contoh yang terkandung di dalam Tataetika ini adalah hanya sebagai penerangan lanjut dan tidaklah boleh dianggap sebagai menghadkan jenis-jenis salahlaku.

### **PERKARA 3**

#### **3. KESETIAAN**

- 3.1 Sebagai tambahan dan bukan menghadkan hak-hak, kewajipan dan tanggungan Calon yang juga merupakan Ahli PP seperti mana dalam Perlembagaan PP, semua ahli-ahli PP hendaklah cintakan PP dan:-

- 3.1.1 Patuh kepada Akta PP 1973, Peraturan-Peraturan PP 1984, Perlembagaan PP dan Tataetika ini;
- 3.1.2 Mengikut Perintah-perintah dan Arahan Pendaftar PP;
- 3.1.3 Patuh dan menghormati keputusan-keputusan PP;
- 3.1.4 Menjalankan dasar-dasar PP:
- 3.1.5 Menjaga rahsia-rahsia PP;
- 3.1.6 Memelihara nama baik dan maruah PP;
- 3.1.7 Menunjukkan tatalaku yang sopan dan tertib bersesuaian dengan tanggungjawab sebagai ahli PP.

Contoh - Calon Yang Melanggar Tataetika

- (a) Tidak menjaga nama baik dan maruah PP dengan bergaduh atau bertumbuk antara Ahli di sesuatu mesyuarat;
- (b) Mengkritik kepimpinan PP tanpa melalui saluran yang betul/sedia ada;
- (c) Mengeluar kenyataan dan mengkritik keputusan-keputusan PP di dalam media cetak dan elektronik yang mengakibatkan PP dipandang rendah.

## **PERKARA 4**

### **4. PENGARUH TIDAK WAJAR**

Calon adalah dilarang pada setiap masa secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pihak lain bagi dirinya melakukan, menggunakan manipulasi atau tipuhelah bagi menghalang, memaksa, mengancam, mendorong, mengganggu atau mendesak seseorang Perwakilan PP melakukan

sesuatu atau tidak menjalankan tugasnya atau menghalang pelaksanaan haknya di dalam PP dengan bebas atau menafikan hak seseorang Perwakilan.

#### CONTOH

- (a) Jika seseorang Perwakilan tidak mengundi mana-mana Calon tertentu, tiada bantuan atau sokongan akan diberikan kepada beliau;
- (b) Jika seseorang Perwakilan enggan mengundi mana-mana Calon tertentu, beliau tidak akan dilantik kepada mana mana jawatan.

### **PERKARA 5**

#### **5. SALAHLAKU**

Calon dilarang daripada melakukan perkara-perkara berikut:-

##### 5.1 Rasuah / Sogokan Politik

- 5.1.1 Menyalahgunakan apa jua kuasa secara langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya dengan tujuan mendorong atau memaksa seseorang perwakilan mengundi atau tidak mengundi mana-mana calon dalam pemilihan Jemaah Pengarah PP bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain.

#### CONTOH

- (a) Menggunakan kedudukan atau kuasanya secara salah dengan membuat janji-janji memberi pangkat, anugerah/gelaran, peluang perniagaan, bagi mendapat undi.

5.1.2 Memberi, meminjam, meminta atau bersetuju untuk memberi atau meminjam atau meminta, atau berjanji akan mendapatkan atau akan berusaha untuk mendapatkan apa-apa wang atau balasan bernilai untuk seseorang Ahli atau untuk seseorang yang lain, dengan tujuan mendorong seseorang Perwakilan supaya mengundi atau tidak mengundi dalam pemilihan Jemaah Pengarah bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain.

CONTOH

- (a) Memberi wang atau imbuhan untuk tidak menyokong atau tidak mengundi Pihak-pihak lain yang bertanding.
- (b) Menggunakan wang untuk mendapatkan undi

5.1.3 Memberi atau menerima atau membenarkan ahli keluarganya atau mana-mana orang untuk memberi atau menerima bagi Pihaknya, secara langsung atau secara tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana Ahli PP yang lain apa-apa jua hadiah benda atau faedah sama ada secara zahir atau sebaliknya bagi mendorong seseorang Perwakilan supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan Jemaah Pengarah PP bagi pihaknya sendiri atau pihak lain.

CONTOH

Memberi sebarang bentuk hadiah atau benda sebagai imbuhan misalnya:-

- tambang percuma;
- membiayai perjalanan atau lawatan ke mana-mana destinasi;
- memberi perkhidmatan percuma;



- memberi atau membiayai saham-saham, konsesi;
- kontrak;
- hiburan;
- gelaran; atau
- anugerah.

## 5.2 Mengguna Kekerasan dan Ugutan

Mengguna atau mengancam untuk mengguna apa-apa jua bentuk kekerasan samada secara fizikal atau bukan fizikal, paksaan, ugutan atau halangan secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui seseorang lain bagi pihaknya, dengan tujuan untuk membawa atau mengakibatkan kecacatan, kerosakan atau kerugian ke atas mana-mana orang bagi mendorong atau memaksa mana-mana Perwakilan PP agar mengundi atau tidak mengundi mana-mana Calon lain dalam mana-mana Pemilihan Jemaah Pengarah PP.

### CONTOH

- (a) Mengancam dan terlibat dengan pergaduhan, bertumbuk, membaling objek atau seumpamanya;
- (b) Mengguna ugutan untuk tidak memberi peruntukan dan projek kepada suatu pihak; dan
- (c) Mengancam untuk menarik balik perlantikan ke sesuatu jawatan.

## 5.3 Penerbitan dan Penggunaan Media Massa, Elektronik atau Internet

Menerbit, menyiar atau menulis apa-apa risalah, majalah, makalah, buku atau lain-lain karya secara langsung atau tidak langsung, yang mempunyai unsur-unsur menyokong, memfitnah, mencela, mengkeji atau

mengandung kenyataan palsu terhadap mana-mana Ahli PP yang disiarkan melalui media massa, elektronik atau internet dengan tujuan untuk mengelirukan seseorang Perwakilan PP, mempengaruhi atau mendapat undi atau sokongan bagi pihaknya atau orang lain dalam mana-mana Pemilihan Jemaah Pengarah PP.

### CONTOH

- (a) Menulis dalam apa jua media cetak atau elektronik terhadap mana-mana Calon yang akan bertanding;
- (b) Membuat sebarang poster atau kad nama yang menunjukkan janji-janji dan sebagainya;
- (c) Mencela atau memfitnah mana-mana Calon dengan tujuan untuk memburukkan namanya supaya Perwakilan tidak mengundi Calon yang difitnah tersebut; dan
- (d) Membuat aduan bertulis, tuduhan, tohmahan, kenyataan atau apa jua bentuk penulisan atau lisan dengan pengetahuan bahawa ianya adalah palsu atau tidak berasas.

#### 5.4 Ejen, Pelobi, Pengurus Kempen atau Perayu Undi

5.4.1 Bagi peringkat pemilihan Jemaah Pengarah, kecuali untuk majlis penerangan dan / atau kempen yang dianjurkan oleh PP, Calon dilarang daripada berkempen bagi pihak dirinya dan / atau menjadikan dirinya sebagai ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi bagi mendorong seseorang Perwakilan supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan Jemaah Pengarah PP

## CONTOH

- (a) Mengguna ejen, pelobi, syarikat pengurus kempen, untuk berkempen bagi mana-mana calon; walaupun begitu, calon-calon dibenar kempen diperhimpunan yang dianjurkan oleh PP

### 5.5 Majlis dan Pertemuan

5.6.1 Kecuali untuk perhimpunan, pertemuan atau majlis yang dianjurkan oleh PP, Calon dilarang di dalam Tempoh Pemilihan menganjurkan, samada secara langsung atau tidak langsung, sebarang perhimpunan, pertemuan jamuan atau apa-apa majlis yang membabitkan Perwakilan bagi pihak dirinya atau bagi pihak mana-mana Calon bagi mendorong seseorang Perwakilan supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pemilihan Jemaah Pengarah PP bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain bagi mana-mana peringkat pemilihan Jemaah Pengarah PP.

## CONTOH

- (a) Calon menghadiri atau menganjurkan kenduri majlis kahwin, majlis tahlil atau majlis kesyukuran yang dianjurkan oleh atau dihadiri Perwakilan PP dan berucap bagi tujuan meraih undi dan berkempen bagi pihaknya sendiri; atau
  - (b) Calon menghadiri atau menganjurkan kenduri majlis kahwin, majlis tahlil atau majlis kesyukuran yang dianjurkan oleh atau dihadiri Perwakilan dan berucap bagi tujuan meraih undi dan berkempen bagi pihak lain bagi mana-mana pemilihan Jemaah Pengarah PP.
- 5.6 Pendaftar PP berkuasa menetapkan dari masa ke semasa bentuk dan jenis penyalahgunaan kuasa, wang, sogokan dan sebagainya yang dimaksudkan di dalam sub-perkara 5.1 hingga 5.6 di atas.

## **PERKARA 6**

### **6. DERMA / BANTUAN KEPADA PP**

- 6.1 Calon adalah dilarang, samada secara langsung atau tidak langsung, memberi sebarang bentuk derma, bantuan atau peruntukan atas kapasiti persendirian atau melalui orang lain dengan tujuan untuk mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi Perwakilan di dalam mana-mana pemilihan PP bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain.
- 6.2 Mana-mana Calon yang ingin memberi derma hendaklah disalurkan hanya ke Kumpulanwang-Kumpulanwang PP.
- 6.3 Mana-mana pemberian yang tidak melalui saluran yang tersebut dalam Perkara 6.2 adalah dianggap sebagai melanggar Perkara 6.1.

#### CONTOH

- (a) Mana-mana Calon yang memberi wang yang dikatakan duit minyak atau sedekah kepada mereka-mereka yang akan terlibat mengundi dalam pemilihan Jemaah Pengarah PP didalam suatu majlis kempen anjuran PP adalah dianggap telah melanggar Perkara 6.1.

## **PERKARA 7**

### **7. ADUAN DAN BAHAN BUKTI**

Mana-mana Calon atau Perwakilan yang merasakan bahawa hak mereka telah dinafikan didalam apa juga keadaan bolehlah mengadu kepada Pendaftar PP supaya hak mereka dapat didengar dan diadili dengan mengemukakan bahan-bahan bukti yang munasabah seperti saksi-saksi, bahan-bahan bercetak atau elektronik atau apa juga bahan yang lain yang menyokong aduan mereka tersebut.

## **PERKARA 8**

### **8. ANGGAPAN KEBERSALAHAN PIHAK KETIGA**

Apabila seseorang ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi itu didapati melanggar mana-mana peruntukan Tataetika ini, maka Pendaftar PP bolehlah menganggap, setelah ia berpuashati daripada keterangan-keterangan dan/atau bukti-bukti yang dikemukakan kepadanya, bahawa Prinsipal kepada ejen, pengurus kempen atau perayu undi itu turut melakukan kesalahan-kesalahan dibawah Tataetika ini dan/atau mempunyai pengetahuan mengenai perihal kesalahan-kesalahan tersebut dan boleh mengambil tindakan menghukum prinsipal tersebut seolah-olah dia yang melakukan kesalahan tersebut.

## **PERKARA 9**

### **9. HUKUMAN**

Mana-mana Calon yang telah terpilih memegang jawatan Jemaah Pengarah PP dan didapati bersalah melanggar Tataetika ini dalam tempoh pemilihan bolehlah dikenakan hukuman seperti mana mengikut seksyen 14(5)(f) Akta PP 1973.

## **PERKARA 10**

### **10. PINDAAN**

Pendaftar PP berhak meminda Tataetika ini dari masa ke semasa.